

Najib contoh pemimpin teladan

Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana kepemimpinannya. Saya sangat tertarik dengan berita Bernama 11 Mei 2013 dan memetik kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika melawat bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

“Sebagai pemimpin, walaupun Azizan dalam parti yang lain, saya hormati beliau sebagai sahabat. Terima kasih kepada ahli keluarganya kerana terima kedatangan saya dengan baik.”

Ini membuktikan pemimpin kita sekarang mampu berlaku adil dan tidak pejam mata jika berlaku kecelakaan mahupun mu-

sibah kepada rakyatnya meskipun mereka daripada parti lain.

Pemimpin berwibawa

Tidak dapat dinafikan lagi, pemimpin negara kita sangat berwibawa dan bertanggungjawab terhadap rakyat di bawahnya tanpa mengira warna kulit, status atau parti. Saya percaya rakyat Malaysia telah membuat satu keputusan yang sangat tepat dalam pemilihan pemimpin pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasu-*

lullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

Sudah semestinya pemimpin kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dalam memimpin rakyatnya. Contohnya kita dapat lihat sendiri keprihatinan Najib terhadap rakyatnya meskipun berbeza fahaman politik.

Asiah Che Hassin,
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)